

Jangan bocor rahsia kerajaan - PM

PUTRAJAYA 17 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan semua penjawat awam supaya tidak membocorkan rahsia kerajaan kerana setiap rahsia tersebut mempunyai kaitan dengan kepentingan negara.

Malah beliau turut mengingatkan bahawa mereka terikat dengan sumpah sebagai kakitangan awam yang sepatutnya dijaga dan dipelihara.

"Ini belum apa-apa lagi, tol akan kita naikan. Bocor sudah. Sebab itu kita ada kaedah tertentu dan saya minta tolong kepada semua penjawat awam (tidak bocorkan rahsia kerajaan) kerana ini adalah

kepentingan negara.

"Kita pun telah mengangkat sumpah dan jangan main-main dengan sumpah. Semuanya ini untuk kebaikan negara," katanya ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-14 (MAPPA XIV) bertemakan Mendepani Realiti Baharu Negara: Pertumbuhan Melalui Produktiviti dan Inovasi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Peringatan Perdana Menteri itu berkaitan dengan isu penyebaran khabar angin dalam media serta laman sosial berhubung kenaikan kadar tol pada minggu lepas yang sebenarnya belum sah.

Najib yang kecewa dengan penyebaran berita tersebut menjelaskan, kerajaan masih lagi mengkaji perkara itu dan ketika ini tiada keputusan mengenainya.

"Pihak yang tidak beretika membocorkan perkara ini telah mengkhianati Kabinet," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar ketika mengulas isu tersebut selepas mempengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Kuala Lumpur, 12 Jun lalu.

Bercakap lebih lanjut dalam ucapannya di hadapan 5,000 kakitangan awam itu, Najib berkata, mana-mana kerajaan sekalipun amat menitikberatkan soal menjaga

kerahsiaan

"Sebab itu sekiranya kerajaan belum bersedia membuat pengumuman, jangan bocor. Sekiranya bocor (rahsia kerajaan) boleh jadi keputusan itu berlainan nanti," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut melontarkan cadangan iaitu kementerian yang berjaya menjimatkan perbelanjaan hasil daripada agihan peruntukan kerajaan akan dikembalikan semula kepada kementerian berkenaan.

"Kebiasaannya jika peruntukan dapat diijamatkan, lebihan itu akan dipulangkan kepada Perbendaharaan," katanya.